

MAHATHIR - HASUT

KANGAR, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA PEKERJA TIDAK HARUS TERPENGARUH DENGAN HASUTAN PEHIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SUPAYA, MELANCARKAN MOGOK DALAM USAHA MENDAPAT GAJI YANG LEBIH BAIK.

KATANYA TINDAKAN SEPerti itu BUKAN CARA YANG BAIK BERBANDING KERJASAMA DENGAN MAJIKAN, KERJA TEKUN DAN SETIA KEPADA SYARIKAT ATAU PERUSAHAAN KERANA JIKA SYARIKAT MENDAPAT UNTUNG, GAJI AKAN DINAIKKAN DAN BONUS PULA AKAN DIBERI.

BERUCAP KEPADA PEKERJA KILANG-KILANG KEPUNYAAN PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI (PKENPS) DI JEJAJWI DEKAT SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MOGOK DAN TUNTUTAN KENAIKAN GAJI YANG KETERLALUAN AKAN MENYEBABKAN INDUSTRI RUGI DAN KILANG-KILANG DITUTUP.

+BILA KILANG DAN PERUSAHAAN DITUTUP, PARA PEMIMPIN KESATUAN PUN TIDAK AKAN KELIHATAN UNTUK MEMBELA PARA PEKERJA. PEKERJA AKAN RUGI DAN RAHAI AKAN MENGGANGGUR,+ KATANYA.

BELIAU SEKALI LAGI MELAHIRKAN RASA KESALNYA TERHADAP SIKAP BEBERAPA ORANG PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA SEPerti PRESIDEN MTUC, ZAINAL RAMPAK DAN SETIAUSAHA AGUNGNYA, V. DAVID YANG MEMINTA AMERIKA SYARIKAT MENARIK BALIK SISTEM KEUTAMAAN AH (GSP) YANG DIBERI KEPADA BARANGAN DARI MALAYSIA. -- LAGI

1408MST 20 08 90

D148

U 8485 A A B
MAHATHIR - HASUT. 2 KANGAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA SEPATUTNYA MEMINTA DITAMBAH KUOTA PENGHANTARAN BARANGAN MALAYSIA KE AMERIKA SUPAYA LEBIH BANYAK KILANG DIDIRIKAN DAN RAMAI LAGI YANG BOLEH MENDAPAT PEKERJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PERANAN KERAJAAN MEMBANTU MEMUDAHKAN PARA PELABUR MENANAM MODAL DAN MEMBINA INDUSTRI DI NEGARA INI BERTUJUAN SUPAYA LEBIH RAMAI RAKYAT MENDAPAT PEKERJAAN DAN SEBAB ITU SESETENGAH PERUSAHAAN DIKECUALIKAN DARIPADA MEMBAYAR CUKAI.

KATANYA KERAJAAN MAMPU MEMBERI PEKERJAAN KEPADA HANYA 860,000 ORANG SEMENTARA. MASIH ADA TUJUH JUTA LAGI YANG HARUS MENDAPAT PEKERJAAN.

MELALUI DASAR PENSWASTAAN DAN GALAKAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PERUSAHAAN YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN, DIHARAPKAN LEBIH BANYAK PEKERJAAN DAPAT DIWUJUDKAN, KATA BELIAU.

KATANYA KAUM PEKERJA NEGARA INI HARUS BELAJAR DARIPADA APA YANG BERLAKU' DI AUSTRALIA, SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN KAYA TETAPI KINI MENGALAMI MASALAH EKONOMI, KERANA PARA PEKERJANYA MENUNTUT GAJI TINGGI MENYEBABKAN PINJAMAN BANK DI NEGARA ITU DIKENAKAN FAEDAH 20 PERATUS BERBANDING 7 PERATUS SAHAJA DI MALAYSIA, -- LAGI

1421MST 20 08 90

D149

UB486 A A B
MAHATHIR - HASUT 3 KANGAR

BELIAU MENASIHATI PARA PEKERJA MEMBUAT TUNTUTAN KENAIKAN GAJI YANG BERPATUTAN DAN MENUBUHKAN KESATUAN DALAMAN KERANA KESATUAN SEUMPAMA ITU AKAN MEMBOLEHKAN PARA PEKERJA LEBIH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA KILANG MASING-MASING.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG DIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DR ABDUL HAMID PAWANTEH DAN PEMIMPIN LAIN BARISAN NASIONAL TERDAHULU DARIPADA ITU MELAWAT KILANG PAKAIAN, DRAGON AND PHOENIX BHD DI KAWASAN PERUSAHAAN ITU.

PENGARAH URUSAN KILANG ITU, ENCIK CHENG WAI KEUNG BERKATA KILANG ITU MENGELUARKAN PAKAIAN UNTUK DIEKSPORT BERNILAI \$12 JUTA SETAHUN DAN MEMPUNYAI 1,000 ORANG PEKERJA.

KATANYA DRAGON AND PHOENIX MEMPUNYAI 10 BUAH KILANG MENGELUARKAN PAKAIAN DI NEGERI-NEGERI LAIN DENGAN PELABURAN \$150 JUTA DAN MEMPUNYAI LEBIH 7,000 PEKERJA. -- BERNAMA